

▶ 8 MAC

Operasi bermula dengan meliputi 50 batu nautika sekitar Igari, sempadan kawalan trafik udara di antara Malaysia dan Vietnam, lokasi terakhir MH370 di Laut China Selatan.

▶ 9-12 MAC

Operasi diperluaskan ke utara Selat Melaka, perairan Sumatera dan Laut Andaman, bahagian timur dan barat Vietnam serta hutan dan pergunungan bersempadan Laos dan Kemboja, membabitkan 74 aset pelbagai negara.

▶ 14 MAC

Operasi diperluaskan ke Lautan Hindi.

▶ 15 MAC

Operasi secara rasmi diperluas kepada koridor utara dan selatan meliputi kawasan seluas 2.24 juta batu nautika persegi, membabitkan penyertaan 27 negara.

Genap sebulan MH370 hilang

BH 6/4/14 M 6

» Malaysia, Australia ikrar teruskan pencarian



Operasi mencari MH370 yang hilang sejak 8 Mac lalu genap sebulan hari ini, dengan pasukan pelbagai negara bertungkus-lumus 24 jam sehari mengesan sebarang bukti konkrit yang mampu merungkai misteri kehilangan pesawat itu.

Bermula di Laut China Selatan, operasi mencari diperluaskan ke Selat Melaka dan Laut Andaman selepas pesawat itu dikesan berpatah balik dari laluan asalnya ke Beijing, China.

Pada 14 Mac, operasi mencari pesawat komersial yang membawa 239 penumpang dan kru Penerbangan Malaysia (MAS) diperluaskan ke Lautan Hindi sebelum operasi sama diperluaskan ke koridor utara dan selatan meliputi kawasan seluas 2.24 juta batu nautika persegi sehari kemudian.

Operasi mencari MH370 yang diketuai Malaysia ketika itu membatik aset tentera, termasuk pesawat dan kapal daripada 27 negara.

Pencarian di Laut China Selatan ketika itu turut menyaksikan peranan penting dimainkan Vietnam dalam mengesan MH370.

MH370 yang dalam perjalanan ke Beijing berlepas dari Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 12.41 tengah malam 8 Mac dan sepatutnya mendarat jam 6.30 pagi hari sama, bagaimanapun hilang dari radar selepas isyarat transponder pesawat dimatikan pada 1.21 pagi.

Komunikasi terakhir MH370 dengan Pusat Kawalan Udara (ATC) ialah pada jam 1.19 pagi ketika ia memasuki kawasan Igari, sempadan kawalan trafik udara antara Malaysia dan Vietnam.

Selatan Lautan Hindi

Berdasarkan hasil analisis data satelit Inmarsat dan Cawangan Penyiasatan Kemalangan Udara UK (AAIB), Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 24 Mac lalu mengumumkan MH370 'berakhir di selatan Lautan Hindi'.

Operasi pencarian kemudian

tertumpu di koridor selatan selepas beberapa satelit mengesan objek yang dikaitkan dengan MH370.

Pada 1 April, Pusat Koordinasi Bersama Agensi (JACC) ditubuhkan di Perth, Australia, bagi menyelarakan pencarian pesawat MH370 di selatan Lautan Hindi.

Tanpa had masa

Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) di Pearce, Perth, dijadikan pangkalan operasi dalam usaha mencari MH370 yang menyaksikan penyertaan aset ketenteraan, antaranya dari Australia, Malaysia, Britain, Amerika Syarikat dan China.

Malaysia dan Australia berikrar akan meneruskan pencarian MH370, tanpa had masa meskipun jangka hayat bateri kotak hitamnya kini sudah berakhir.

Berikut kronologi operasi mencari MH370 sejak 8 Mac lalu hingga semalam yang menyaksikan 10 pesawat tentera, tiga jet awam dan 11 kapal dikerah menjejaki pesawat itu.



11 Mac

Tinjau udara bagi mengesan pesawat MH370 dari helikopter MI-171 milik Tentera Udara Vietnam di Laut China Selatan.



13 Mac

Dua kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Laksamana Muhammad Amin (depan) dan KD Selangor ketika misi mencari dan menyelamat (SAR) di Selat Melaka.

20 Mac

Juruterbang pesawat Australia AP-3C Orion, Russell Adams ketika misi mencari MH370 di selatan Lautan Hindi.




30 Mac

Berpangkalan di Pearce, Perth, TUDM meneruskan usaha pencarian di selatan Lautan Hindi.



25 Mac

Kapal Tentera Laut Australia, HMAS Success menurunkan bot dalam usaha mengesan objek dikesan satelit.



20 MAC

Operasi ditumpukan ke koridor selatan khususnya selatan Lautan Hindi, susulan cerapan objek oleh satelit Australia di kedudukan 2,500 kilometer ke Barat Daya Perth seperti diumumkan Perdana Menteri Australia, Tony Abbott.

24 MAC

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan penerbangan MH370 MAS berakhir di lokasi terpencil di selatan Lautan Hindi.

BH 6/4/14

25 MAC

Pencarian diperincikan sekitar selatan Lautan Hindi di barat Perth, Australia. Ia memabitkan kajian data satelit, pesawat udara dan kapal dagang serta tentera laut.

MS 7

2 APRIL

Teknologi pencarian dasar laut seperti pengesan kotak hitam, Towed Pinger Locator; dron Bluefin-21 serta kapal selam berkuasa nuklear, HMS Tireless, menyertai operasi pencarian.

4 APRIL

Gerakan mencari MH370 dilakukan di bawah permukaan air menggunakan kapal Australia, Ocean Shield yang dilengkapi alat pengesan ping kotak hitam dan dron tanpa pemandu.

• Ocean Shield turut membawa Bluefin-21 untuk merakamkan gambar di bawah permukaan dan dasar laut sehingga 4,500 meter, dibantu Kapal Britain, HMS Echo.


Sonar Dron Bluefin-21 yang berupaya mengesan kotak hitam dan objek di dasar laut digunakan dalam operasi mengesan MH370 mula digunakan 4 April.



Kapal selam berkuasa nuklear British, HMS Tireless menyertai operasi menjejaki pesawat MH370 di Lautan Hindi.




Kapal Tentera Laut Diraja British yang



KAWASAN PENCARIAN PESAWAT MH370 DI LAUTAN HINDI



Lautan Hindi



5 April

Kapal Australia, Ocean Shield yang dipasang 'Towed Pinger Locator' bagi mengesan isyarat ping kotak hitam antara tonggak utama dalam misi mencari MH370 di Lautan Hindi.


5 APRIL

10 pesawat tentera, tiga jet awam dan 11 kapal membantu dalam operasi mencari, termasuk ADV Ocean Shield dan HMS Echo.

- Pihak Berkuasa Keselamatan Maritim Australia menetapkan kawasan pencarian membabitkan keluasan 217,000 kilometer persegi, 1,700km ke barat laut Perth.



berupaya mengesan objek di dasar laut, **HMS Echo**, turut menyertai misi mencari.



Datuk Seri Najib Razak ketika **mengumumkan perjalanan MH370 berakhir di selatan** Lautan Hindi pada sidang media khas di PWTC sambil disaksikan Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein (kanan) dan Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Datuk Azharuddin Abdul Rahman.